

Tatakelakuan



THE ADECCO GROUP

Isi Kandungan

Mesej daripada Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif

Nilai Teras Kami

I. Pengenalan

A. Tujuan

B. Kebolehgunaan

C. Komitmen terhadap Standard dan Konvensyen Antarabangsa

D. Bertindak dengan Integriti dan Pematuhan

E. Pelanggaran Undang-undang, Peraturan, Tatakelakuan, atau Dasar

II. Pihak Berkepentingan Kami

A. Pekerja Kami

1. Hak Asasi Manusia dan Hak Buruh
2. Kesihatan, Keselamatan, dan Kesejahteraan
3. Kesaksamaan, Kepelbagai, Rangkuman, dan Kekitaan
4. Anti Diskriminasi dan Gangguan
5. Konflik Kepentingan

B. Rakan Perniagaan kami dan Pihak Berkepentingan lain

1. Pencegahan Rasuah dan Sogokan
2. Hadiah dan Hospitaliti
3. Persaingan Adil
4. Maklumat Sulit dan Harta Intelek Pihak Ketiga
5. Integriti Pihak Ketiga

C. Syarikat dan Pemegang Saham Kami

1. Perlindungan terhadap Aset Syarikat, Harta Intelek dan Maklumat Sulit Kami
2. Pencurian, Penipuan, Penggelapan, Penyamaran, Pakatan Sulit, Pemalsuan dan Penyelewengan
3. Privasi Data
4. Berkommunikasi secara luaran
5. Integriti Kewangan
6. Perdagangan Orang Dalam
7. Sekatan dan Embargo

III. Masyarakat Kami

A. Kewarganegaraan Korporat, Keterlibatan Masyarakat dan Impak Sosial

B. Aktiviti Politik

C. Alam Sekitar


IV. Budaya Bersuara Kita

A. Bersuara

B. Talian Adecco Compliance and Ethics (“ACE”)

C. Perlindungan daripada Tindakan Balas

D. Kewajipan Pengurus Atasan





Mesej daripada Pengurus Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif

Ke hadapan rakan sekerja, rakan bersekutu dan rakan kongsi yang dipercayai,

Di Kumpulan Adecco, kami komited dalam menjadikan masa hadapan berfungsi untuk semua orang. Dalam masa kami melaksanakan tujuan ini, kami menyediakan kerja dan latihan untuk berjuta-juta orang di seluruh dunia dan memastikan pelanggan kami mempunyai bakat dan perkhidmatan yang mereka perlukan untuk berjaya dan berdaya saing. Tugas kami mempunyai kesan positif secara langsung terhadap kehidupan orang-orang ini, keluarga mereka dan komuniti mereka. Kepercayaan yang diberikan kepada kami disertakan dengan tanggungjawab yang besar dan jangkaan yang jelas—bahawa kami bertindak secara

berintegriti sebagai rakan niaga yang boleh dipercayai, cekap dan patuh.

Tatakelakuan ini merupakan komitmen kolektif kami supaya kami beroperasi secara beretika. Tatakelakuan ini bukan sahaja komitmen terhadap diri kita sendiri, tetapi juga kepada calon, perunding, rakan sekutu, rakan sekerja, pelanggan, dan semua pihak berkepentingan yang lain. Tatakelakuan ini menetapkan standard kita untuk menjalankan perniagaan dengan cara yang betul, dengan bertindak secara berintegriti dan menjalankan perniagaan kita secara mampan serta bertanggungjawab untuk memberi kesan positif kepada masyarakat.

Sila rujuk Tatakelakuan kita secara kerap, terutamanya apabila anda

mencari panduan tentang cara membuat keputusan perniagaan. Tatakelakuan ini telah dicipta bersama oleh rakan sekerja dari seluruh organisasi, yang menjadikan tanggungjawab anda jelas, dan memastikan anda mengetahui cara untuk bersuara sekiranya terdapat keimbangan.

Setiap daripada kita mempunyai sumbangan penting untuk diberikan kepada budaya integriti dan pematuhan Kumpulan Adecco. Keputusan dan tindakan harian kami mempunyai kesan riak di seluruh organisasi kami dan seterusnya. Dengan sentiasa mengamalkan Tatakelakuan kita, kita boleh terus menyumbang secara positif kepada dunia pekerjaan dan menjadikan masa depan berfungsi untuk semua orang.



M. M
Jean-Christophe Deslarzes
Pengurus Lembaga



Denis
Denis Machuel
Ketua Pegawai Eksekutif



Adecco

LHH

AKKODIS

Nilai Teras Kami



Pemusatan Pelanggan

Kami berpegang teguh dan demi kejayaan pelanggan kami, kami mahu menjadi pilihan pertama dan utama mereka.



Tanggungjawab

Kami adalah peneraju industri; matlamat kami adalah untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan untuk lebih ramai orang.



Semangat

Kami mengubah dunia pekerjaan, satu pekerjaan pada satu masa.



Semangat Berpasukan

Kami bekerjasama sebagai satu pasukan.



Keusahawanan

Kami sentiasa mengambil inisiatif untuk memperkasa orang ramai, menggalakkan ekonomi dan memperkayakan masyarakat.

Di Adecco Group, matlamat kami adalah untuk Menjadikan Masa Depan Baik untuk Setiap Orang.



I. Pengenalan

I. Pengenalan

A. Tujuan

Tatakelakuan ini mentakrifkan standard urusan perniagaan kami. Tatakelakuan ini memperincikan tingkah laku yang kami harapkan daripada rakan sekerja dan pekerja kami terhadap satu sama lain dan terhadap calon serta rakan perniagaan kami - pelanggan, pembekal, dan sesiapa sahaja yang berurusan dengan kami.

B. Kebolehgunaan

Tatakelakuan ini terpakai kepada kita semua - ahli Lembaga, rakan sekerja dan pekerja Adecco Group AG dan semua anak syarikatnya, serta setiap orang yang menyediakan perkhidmatan bagi pihak Adecco Group.




C. Komitmen terhadap Standard dan Konvensyen Antarabangsa

Kami tidak bertolak ansur tentang pematuhan dengan mana-mana undang-undang dan peraturan yang terpakai. Jangkaan terhadap kelakuan perniagaan syarikat bukan sahaja dibentuk oleh undang-undang dan peraturan negara, tetapi juga oleh standard dan konvensyen antarabangsa. Kami berbangga bahawa pada tahun 2003, kami merupakan syarikat pertama dalam industri ini yang menandatangani Perjanjian Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang menggariskan sepuluh prinsip utama dalam bidang hak asasi manusia, buruh, alam sekitar dan antirasuah. Kami komited terhadap prinsip yang digariskan dalam konvensyen antarabangsa seperti Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa dan konvensyen buruh utama Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) termasuk, sebagai contoh, Deklarasi ILO tentang Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja dan Konvensyen 181 tentang Agensi Pekerjaan Swasta. Kami juga komited sepenuhnya untuk menyumbang secara langsung kepada pencapaian Agenda Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Deklarasi tentang Prinsip dan Hak Asas di Tempat Kerja

- Kebebasan berpersatuan dan pengiktirafan berkesan hak terhadap perundingan kolektif.
- Penghapusan semua bentuk buruh paksa atau wajib.
- Penghapusan buruh kanak - kanak yang berkesan.
- Penghapusan diskriminasi berhubung penggajian dan pekerjaan.



D. Bertindak dengan Integriti dan Pematuhan

Integriti dan pematuhan adalah kunci bagi kejayaan mampan kami. Perkara ini membentuk asas budaya kami.

Bagi setiap daripada kami, ini bermakna:

- Kami mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai, Tatakelakuan ini, serta dasar dan garis panduan syarikat.
- Kami adalah rakan perniagaan yang boleh dipercayai dan jujur kepada rakan sekerja, pekerja, calon, pelanggan dan pembekal kami, serta sesiapa sahaja yang berurusan dengan kami.
- Kami menyumbang kepada budaya kerja yang inklusif dan memperlakukan sesama sendiri dengan hormat dan bermaruah.
- Kami sentiasa mengikuti perkembangan terkini melalui latihan yang kerap tentang tajuk-tajuk seperti integriti & pematuhan, privasi data, kepelbagaian & rangkuman, keselamatan IT serta kesihatan & keselamatan.
- Apabila ragu-ragu, kami menghubungi pengurus atasan kami, Pegawai Integriti & Pematuhan, Jabatan Sumber Manusia atau Jabatan Undang-undang.

Pengurus Atasan memainkan peranan khusus dalam mencipta suatu budaya berintegriti dan hormat-menghormati dalam pasukan mereka. Bagi pengurus atasan, ini bermakna tanggungjawab anda termasuk:

- Kerap berbincang dengan pasukan anda tentang kepentingan bekerja dengan cara yang beretika dan patuh.
- Menggalakkan dan memupuk suatu persekitaran komunikasi terbuka dan penuh hormat serta dialog terangkum dalam pasukan anda, termasuk berkenaan isu etika dan keimbangan.
- Memimpin melalui teladan dalam menjalani tingkah laku yang diharapkan dan memodelkan nilai-nilai Adecco Group.
- Melaporkan (melalui [Talian Adecco Compliance & Ethics \(ACE\)](#)) atau kepada [Pegawai Pelaporan Pematuhan Kumpulan](#)) tanpa berlengah, sebarang salah laku atau yang disyaki yang anda ketahui sebagai sebahagian daripada tugas anda.

Terdapat keadaan-keadaan apabila undang-undang mungkin tidak memberikan panduan yang mencukupi. Kita mungkin tidak pasti tentang implikasi tindakan kita dari segi etika, dan kita mungkin tidak tahu sama ada kita bertindak dengan integriti. Bertanyakan soalan berikut kepada diri sendiri boleh memberikan panduan.

- Adakah kelakuan saya selaras dengan undang-undang yang terpakai, Tatakelakuan ini, dan dasar kami?
- Adakah ini juga perkara yang betul untuk dilakukan?
- Bagaimanakah kelakuan saya memberi kesan kepada calon, rakan sekerja, pekerja, rakan perniagaan, atau pemegang saham?
- Adakah saya akan selesa jika seseorang memperlakukan saya dengan cara yang sama?
- Apakah anggapan keluarga dan rakan-rakan saya tentang tingkah laku saya?
- Adakah saya akan rasa selesa membaca tentang kelakuan saya itu di media sosial atau surat khabar?



E. Pelanggaran Undang-undang, Peraturan, Tatakelakuan, atau Dasar

Kami tidak bertolak ansur terhadap pelanggaran undang-undang, Tatakelakuan, atau dasar dan garis panduan kami. Kegagalan mematuhi perkara-perkara ini boleh mengakibatkan tindakan disiplin, termasuk pemberhentian dan akibat undang-undang lain, mengikut undang-undang yang terpakai.



I.Pihak Berkepentingan Kami

II. Pihak Berkepentingan Kami

A. Pekerja Kami

1. Hak Asasi Manusia dan Hak Buruh

Kejayaan kami bermula dan berakhir dengan pekerja kami. Oleh itu, memastikan keadaan kerja yang adil dan beretika serta menghormati hak asasi manusia dan hak buruh merupakan prinsip asas bagi cara kami beroperasi. Kami komited dalam menjalankan perniagaan kami dengan cara yang menghormati hak dan kehormatan semua orang. Kami tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk buruh paksa, buruh wajib atau buruh kanak-kanak. Kami melarang mengenakan yuran kepada pencari pekerjaan. Kami menghormati hak-hak individu terhadap kebebasan berpersatuan dan perundingan kolektif.


2. Kesihatan, Keselamatan, dan Kesejahteraan

Kesihatan & keselamatan merupakan keutamaan teratas Adecco Group. Kami mengakui bahawa tenaga kerja yang sihat dan bertenaga bagus untuk orang ramai, perniagaan dan masyarakat. Oleh itu, kami tidak akan bertolak ansur tentang langkah-langkah kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan. Kami komited terhadap rakan sekerja dan pekerja kami dalam menyediakan tempat kerja dan persekitaran kerja yang memenuhi semua standard yang terpakai, dan berusaha untuk bekerjasama dengan pelanggan kami bagi memastikan perkara ini. Kami bertanggungjawab melaporkan

sebarang keadaan kerja yang tidak selamat. Kami tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk keganasan dalam konteks kerja kami.

3. Kesaksamaan, Kepelbagai, Rangkuman, dan Kekitaan

Sebagai sebuah perniagaan yang melibatkan orang ramai, kami membayangkan sebuah dunia yang di dalamnya setiap orang berpeluang untuk bekerja. Kami komited terhadap kesaksamaan bagi setiap orang yang bekerja untuk atau melalui Adecco Group. Kami menggalakkan secara aktif kesaksamaan, kepelbagai dan keterangkuman dalam tenaga kerja. Kami berusaha memupuk suatu budaya kekitaan dan bertujuan, suatu persekitaran yang membolehkan setiap orang berkembang maju dan berasa terlibat, manakala perbezaan dihormati dan dihargai.





4. Anti Diskriminasi dan Gangguan

Setiap daripada kita memainkan peranan penting dalam mewujudkan budaya kerja inklusif yang memperlakukan kakitangan dengan hormat dan bermaruah. Kami percaya pada bakat dan bukannya label serta menumpukan pada kemahiran pekerja kami yang unik dan pelbagai. Kami tidak bertolak ansur dengan sebarang diskriminasi yang menyalahi undang-undang terhadap mana-mana rakan sekerja, pekerja, calon, atau pihak yang menyediakan perkhidmatan bagi pihak Adecco Group, pada mana-mana peringkat perjalanan individu tersebut bersama kami. Ini termasuk - tetapi tidak terhad kepada - sebarang diskriminasi terhadap jantina, orientasi seksual/LGBTQIA+/identiti jantina atau pengungkapan jantina, status keluarga/perkahwinan, kehamilan, umur, bangsa, kumpulan etnik, warisan, kewarganegaraan, asal usul atau latar belakang sosial atau ekonomi, kasta, agama/kepercayaan, pandangan politik, rupa bentuk fizikal, ketakupayaan (yang boleh dilihat atau tidak), atau sebarang ciri-ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang yang terpakai di tempat Adecco Group beroperasi. Kami tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk gangguan, membuli, menghendap, atau ugutan dalam konteks kerja kami.

5. Konflik Kepentingan

Kami sentiasa memberikan tumpuan kepada perkara yang terbaik bagi Adecco Group. Kami mengelakkan walaupun sedikit unsur yang mengutamakan kepentingan peribadi melebihi kepentingan Adecco Group. Sebarang kepentingan peribadi, termasuk hubungan peribadi dengan saudara-mara dan kawan rapat, keterlibatan dan projek luar, atau kepentingan kewangan yang boleh mewujudkan konflik kepada kepentingan Adecco Group, jika boleh, perlu dielakkan. Jika tidak boleh, konflik tersebut perlu didedahkan dengan segera kepada pengurus atasan anda supaya perkara itu boleh diuruskan.

B. Rakan Perniagaan kami dan Pihak Berkepentingan lain

1. Pencegahan Rasuah dan Sogokan

Kami percaya bahawa kami berjaya kerana kualiti perkhidmatan dan sikap tidak bertolak ansur kami terhadap rasuah dan sogokan dalam semua bentuk. Kami tidak menawarkan, memberi, atau menerima sebarang manfaat atau barang bernilai yang diberikan untuk mempengaruhi seseorang dalam kerajaan atau perniagaan dengan tidak adil bagi memberi kami manfaat komersial yang tidak wajar atau menghalang keadilan. Kami berusaha untuk mengelakkan biarpun perkara itu hanya kelihatan seperti pengaruh yang tidak wajar. Ini diterapkan tanpa mengira lokasi atau budaya. Semua kakitangan mesti mematuhi semua undang-undang antirasuah dan sogokan yang terpakai.

2. Hadiah dan Hospitaliti

Mempunyai hubungan kerja yang baik dengan rakan perniagaan kami adalah penting kepada Adecco Group. Hadiah dan hospitaliti yang kecil mungkin boleh diterima untuk menyokong hubungan tersebut. Namun, sebarang hadiah atau hospitaliti yang ditawarkan, diberikan, atau diterima mestilah sah, munasabah, dan sesuai kadarnya, serta mesti diberikan dan diterima tanpa mengharapkan sebarang balasan.

3. Persaingan Adil

Kami komited untuk memastikan bahawa kejayaan kami dipacu oleh sifat tawaran kami yang kompetitif. Kami tidak memasuki perjanjian atau terlibat dalam kelakuan yang menyekat persaingan secara tidak adil atau yang bersepakat atau berpaktat secara sulit dengan pesaing kami secara tidak wajar. Ini bermaksud kami tidak bersetuju dengan pesaing kami dalam terma komersial berkaitan dengan pelanggan atau calon kami atau berkongsi sebarang maklumat sensitif persaingan tentang pendekatan kami kepada pasaran. Kami tidak bersepakat dengan pesaing kami tentang cara untuk berkongsi atau mengagihkan pelanggan, peluang, atau wilayah pasaran antara kami.





4. Maklumat Sulit dan Harta Intelek Pihak Ketiga

Kita telah memasuki era maklumat dan mempunyai maklumat yang betul adalah sangat penting untuk kejayaan Adecco Group. Sebagai organisasi yang komited kepada amalan perniagaan yang adil dan beretika, sangat penting untuk kami menghormati hak harta intelek, rahsia perdagangan, dan maklumat sulit orang lain. Oleh yang demikian, kami melindungi semua maklumat bukan umum yang kami simpan, sama ada maklumat tersebut dicipta di peringkat dalaman atau diterima daripada pihak ketiga seperti pelanggan, pembekal dan individu. Kami memastikan bahawa kami hanya menggunakan atau mendedahkan maklumat tersebut dengan wajar dan munasabah demi mematuhi undang-undang tempatan dan tanggungjawab kontrak. Kami tidak berusaha untuk mendapat kelebihan dengan menjelaskan hak harta intelek atau maklumat sulit orang lain.

5. Integriti Pihak Ketiga


Kami bertindak dengan integriti dan menjangkakan komitmen yang sama daripada rakan perniagaan kami. Kami memilih rakan perniagaan kami dengan berhati-hati dan mengamanahkan mereka dengan standard etika, sosial, dan alam sekitar yang tinggi. Kami berbuat demikian untuk melindungi reputasi kami dan memastikan bahawa kami bukan sebahagian daripada atau pihak kepada aktiviti yang tidak mematuhi jangkaan kami berkaitan dengan tatakelakuan sosial dan etika, dimana sahaja aktiviti itu dilakukan.

C. Syarikat dan Pemegang Saham Kami

1. Perlindungan terhadap Aset Syarikat, Harta Intelek dan Maklumat Sulit Kami

Aset Adecco Group, termasuk harta intelek kami (seperti tanda dagangan, nama dagangan, hak cipta, paten, nama domain, dan hak yang berkaitan) serta maklumat sulit perniagaan kami, membolehkan kami untuk kekal bersaing. Semua itu – berserta dengan pekerja kami – adalah platform untuk kejayaan masa depan kami. Kami melindungi dan mempertahankan aset dan hak intelek Adecco Group dengan berhati-hati terhadap sebarang penggunaan dalaman dan luaran tanpa kebenaran. Kami tidak berkongsi maklumat perniagaan sulit Adecco Group dengan pihak ketiga melainkan terdapat perjanjian tanpa pendedahan atau keperluan undang-undang khusus. Apabila kami perlu berkongsi maklumat perniagaan sulit dalam kalangan rakan sekerja, kami akan melakukannya atas dasar perlu tahu. Kami menggunakan sistem maklumat Adecco Group dalam cara yang telus, bertanggungjawab, selamat dan terkawal.





2. Pencurian, Penipuan, Penggelapan, Penyamaran, Pakatan Sulit, Pemalsuan dan Penyelewengan

Kami percaya kepada keadilan. Kami melindungi asset kami dan aset rakan perniagaan kami. Kami tidak bertolak ansur terhadap sebarang aktiviti yang melibatkan pencurian, penipuan, penggelapan wang, penyamaran, pakatan sulit, pemalsuan atau penyelewengan harta Adecco Group atau pihak ketiga.

3. Privasi Data

Adecco Group menghormati hak privasi rakan sekerja, pekerja, calon dan pihak berkepentingan yang lain. Kami melindungi dan mengendalikan data peribadi yang diterima dengan betul dan berhati-hati serta mengikut undang-undang perlindungan dan privasi data yang berkaitan.

4. Berkomunikasi secara luaran

Reputasi dan jenama kita merupakan aset yang amat penting. Untuk melindungi aset tersebut, kita berkomunikasi dalam cara yang jujur, tepat, mengikut masa dan berkesan, serta mematuhi semua keperluan undang-undang yang berkaitan. Kami memastikan bahawa hanya rakan sekerja yang diberi kuasa sahaja boleh menyediakan maklumat, bercakap secara umum, atau membuat siaran di media sosial bagi pihak Adecco Group. Kami menujukan pertanyaan media kepada Jabatan Komunikasi Kumpulan dan pertanyaan pelabur kepada Jabatan Perhubungan Pelabur.

5. Integriti Kewangan

Kami percaya bahawa rekod kewangan yang betul dan jujur merupakan bahagian yang penting dalam urusan perniagaan. Kami mewujudkan buku dan rekod lengkap dan tepat yang jelas menunjukkan sifat sebenar transaksi dan aktiviti yang didokumenkan. Kami melaporkan transaksi kami dalam secara objektif dan tepat pada masanya kepada agensi kerajaan, pelabur, dan masyarakat umum, seperti yang dikehendaki. Kami memastikan bahawa laporan dalaman dan luaran mematuhi peraturan dan standard undang-undang yang terpakai, di samping mematuhi dasar kami.

6. Perdagangan Orang Dalam

Kami percaya kepada integriti dan ketelusan pasaran kewangan dan komited kepada perdagangan sekuriti kami yang adil. Kami tidak menyalahgunakan sebarang maklumat dalaman yang kami mungkin ada. Kami mengambil semua tindakan yang sewajarnya untuk menghalang perdagangan orang dalam dan penyalahgunaan maklumat dalaman, sama ada untuk pelaburan kami sendiri atau orang lain.

7. Sekatan dan Embargo

Kami berfikir dan bekerja pada skala global. Namun, kerjasama antarabangsa bukanlah tiada had. Kadangkala kerjasama ini tertakluk pada sekatan dagangan dan embargo. Kami memastikan kami sentiasa maklum tentang undang-undang dan peraturan yang melarang atau menyekat urusan perniagaan dengan sesetengah negara, entiti, atau individu, dan memastikan kami mematuhi mereka.





III. Masyarakat Kami


III. Masyarakat Kami

A. Kewarganegaraan Korporat, Keterlibatan Masyarakat dan Impak Sosial

Sebagai sebuah perniagaan yang penting untuk masyarakat, kami berusaha memastikan bahawa perniagaan kami membuat perubahan positif dalam bersama-sama mewujudkan lebih banyak masyarakat dan persekitaran tempat kerja yang inklusif. Fokus kami pada bakat, kemahiran dan kebolehpasaran untuk semua mewujudkan kesejahteraan, keselamatan dan punca pendapatan, serta menyokong cita-cita dan matlamat Agenda Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Besut. Perniagaan teras kami serta insiatif komuniti di peringkat global dan tempatan menggalakkan integrasi pasaran buruh bagi kumpulan yang berisiko dikecualikan dan membantu memastikan daya tahan dan kebolehpasaran pekerja. Usaha yayasan global dan tempatan kami selari dengan matlamat ini. Kami memastikan bahawa sebarang sumbangan amal atau derma hanya dibuat melalui salah satu yayasan kami atau dengan kelulusan anggota Jawatankuasa Eksekutif masing-masing, dan mengikut peraturan yang berkaitan.

B. Aktiviti Politik

Adecco Group menganggap keterlibatan dan dialog bersama pembuat dasar sebagai tugas penting dan merupakan tanggungjawab sosial. Melakukan perkara tersebut dalam cara yang profesional memberikan pautan bernilai antara perniagaan, pembuat dasar, dan masyarakat sivil. Gabungan kemahiran, skala dan jangkauan kami yang telah lama wujud meletakkan kami sebagai ketua dan pengaruh. Kami komited untuk menyumbang kepada perbincangan dasar dan pembentukan pandangan umum dalam dunia pekerjaan - dan lebih daripada itu - yang membawa kepada hasil yang optimum untuk semua pihak berkepentingan. Kami melakukan perkara tersebut sebagai rakan kongsi yang boleh dipercayai dan diharapkan, secara objektif, telus dan berasaskan fakta. Keterlibatan dalam aktiviti politik bagi pihak Adecco Group dilakukan melalui Jabatan Hal Ehwal Awam kami. Adecco Group tidak melakukan sebarang sumbang politik, seperti derma kepada parti politik, calon untuk jawatan awam, atau jawatankuasa tindakan politik.





C. Alam Sekitar

Komitmen kami untuk membantu melindungi bumi demi generasi akan datang dan meminimumkan impak kami sendiri terhadap alam sekitar di mana-mana sahaja merupakan bahagian penting tujuan kami untuk menjadikan masa depan baik untuk setiap orang. Kami melakukannya dengan menyokong peralihan kepada ekonomi hijau melalui perniagaan teras kami sebagai penyedia penyelesaian Sumber Manusia. Kami juga berusaha mengurangkan pelepasan karbon berkaitan perniagaan kami, menggalakkan penggunaan sumber asli dengan bertanggungjawab dan menyepakukkan pertimbangan alam sekitar ke dalam proses perniagaan teras, di semua rantaian nilai kami.



IV. Budaya Bersuara Kita

IV. Budaya Bersuara Kita


A. Bersuara

Reputasi Adecco Group ditentukan oleh cara setiap daripada kami menjalankan tugas kerja masing-masing. Tingkah laku yang melanggar undang-undang dan tidak wajar oleh walaupun seorang rakan sekkerja boleh menyebabkan kemudarat yang besar kepada Adecco Group. Kami menggalakkan budaya yang menggalakkan pengajuan soalan dan meminta bimbangan, terutamanya jika berkaitan topik yang dibincangkan dalam Tatakelakuan ini serta dasar dan garis panduan kami.

Kami menggalakkan dan mengharapkan anda supaya mengajukan sebarang kebimbangan yang anda ada berkaitan dengan kelakuan perniagaan yang mungkin tidak wajar dan melaporkan sebarang salah saku sebenar atau yang disyaki. Melakukan hal sedemikian membenarkan Adecco Group untuk menjalankan penyiasatan yang berkesan, menyokong penguatkuasaan peraturan tempat kerja yang adil dan selaras, serta mengambil tindakan untuk mencegah tingkah laku tidak wajar yang selanjutnya. Laporan anda mungkin membawa kepada penambahbaikan dalam kawalan dalaman, proses dan amalan perniagaan serta membantu memastikan semua orang bertindak dengan integriti dan pematuhan dalam aktiviti perniagaan kita.

Anda digalakkan supaya membincangkan sebarang kebimbangan yang anda mungkin ada secara langsung dengan titik perhubungan yang sesuai dalam organisasi. Anda boleh terus melaporkan atau bertanya kepada sesiapa dalam senarai berikut:

- Penyelia atau mana-mana ahli pengurusan;
- Jabatan Sumber Manusia atau Undang-undang;
- Mana-mana ahli daripada Pejabat Pelaporan Pematuhan Kumpulan (sebuah pejabat pelaporan dalaman dan penyimpanan rekod bebas yang diketuai oleh Setiausaha Korporat dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dengan tanggungjawab untuk pengurusan Talian Adecco Compliance and Ethics ("ACE"));
- Mana-mana ahli Audit Dalaman Kumpulan;
- Mana-mana ahli Fungsi Integriti & Pematuhan Kumpulan;
- Talian ACE (pautan di bawah); atau
- Mana-mana ahli Lembaga Pengarah Adecco Group AG.




B. Talian Adecco Compliance and Ethics (“ACE”)

Talian ACE merupakan sumber telefon dan web yang ditadbirkan oleh pihak ketiga dan di sini anda boleh melaporkan sebarang salah laku sebenar atau yang disyaki. Talian ACE tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu dengan wakil yang boleh berunding dengan anda dalam hampir semua bahasa. Adecco Group akan menerima laporan awanama, selaras dengan undang-undang terpakai. Laporan kepada Talian ACE dipertimbangkan dengan teliti dan dikendalikan secara sulit.

C. Perlindungan daripada Tindakan Balas

Adecco Group melarang sebarang jenis tindakan balas, ugutan atau tindakan tatatertib terhadap sesiapa yang membuat laporan salah laku dengan niat baik, atau menjalankan atau mengambil bahagian dalam penyiasatan, walaupun pada akhirnya disimpulkan bahawa tiada salah laku yang terjadi. Rakan sekerja atau pekerja yang terlibat dalam tindakan balas atau ugutan tertakluk pada tindakan tatatertib, sehingga dan termasuk pemberhentian dan mungkin akibat lain berdasarkan undang-undang. Jika anda mempunyai kebimbangan berkaitan menghadapi tindakan balas, sila hubungi Pejabat Pelaporan Pematuhan Kumpulan dengan segera atau buat laporan melalui Talian ACE





D. Kewajipan Pengurus Atasan

Pengurus atasan di seluruh Adecco Group yang menerima laporan salah laku atau mengetahui salah laku sebenar atau yang disyaki sebagai sebahagian daripada tugas kerja mereka mempunyai kewajipan untuk melaporkan salah laku itu tanpa berlengah-lengah. Ini boleh dilakukan secara langsung dengan menghubungi [Pejabat Pelaporan Pematuhan Kumpulan](#) atau membuat laporan melalui [Talian ACE](#).

Tatakelakuan

Tatakelakuan ini merupakan komitmen kami kepada calon, pekerja, rakan sekerja, pelanggan, dan rakan perniagaan kami yang lain. Setiap daripada kita bertanggungjawab untuk memastikan kita sentiasa mematuhi Tatakelakuan ini.

Sebagai sebuah organisasi, kami berada di sini untuk menyokong anda dengan mengadakan perbincangan, bertanyakan soalan dan mengajukan kebimbangan berkaitan topik yang dibincangkan dalam Tatakelakuan ini. Teruskan menghubungi pengurus atasan anda dan menyokong fungsi seperti Integriti & Pematuhan, Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Undang-undang, dan Pejabat Pelaporan Pematuhan Kumpulan.

Kami di sini untuk membantu anda.

Rakan sekerja boleh melawat halaman Tatakelakuan dalam Intranet Kumpulan untuk maklumat lanjut, termasuk S&J berkaitan topik yang dibincangkan dalam Tatakelakuan ini, pautan ke Dasar Kumpulan, serta maklumat dan sumber lain.

Tatakelakuan Adecco Group diluluskan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus dan Pencalonan Lembaga Pengarah Adecco Group AG pada 11 April 2022, berkuatkuasa mulai 1 Januari 2023, dan menggantikan semua versi Tatakelakuan Adecco Group sebelum ini. Semua anak syarikat Adecco Group AG mesti mengambil langkah-langkah yang perlu untuk melaksanakan Tatakelakuan Adecco Group ini.



Adecco Group AG
Bellerivestrasse 30
CH-8008 Zürich
adeccogroup.com